



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

**SYARIKAT PELANCONGAN DIDENDA RM7,000 KERANA GAGAL
MENGUNAKAN KHIDMAT PEMANDU PELANCONG BERLESEN**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menegaskan bahawa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan peraturan-peraturan di bawahnya merupakan kesalahan jenayah yang serius. MOTAC akan terus melaksanakan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang, khususnya melibatkan penggunaan pemandu pelancong tidak berlesen yang boleh menjejaskan imej dan keselamatan industri pelancongan negara.

Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Majistret Jenayah 1, Georgetown, Pulau Pinang pada hari ini telah menjatuhkan hukuman terhadap syarikat Tong Bus & Tour Service Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 537966-P) selepas syarikat tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan gagal menggunakan khidmat pemandu pelancong berlesen ketika mengendalikan aktiviti pelancongan dalam negeri.

Majistret Puan Nur Fadrina binti Zulkhairi telah mensabitkan syarikat tersebut (selepas ini dirujuk sebagai Orang Kena Saman – “OKS”) atas kesalahan di bawah Peraturan 6(1)(i)(iii) dibaca bersama Peraturan 6(2) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [P.U.(A) 333/1992].

Bagi kesalahan tersebut, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh Ribu (RM7,000.00)** terhadap OKS. Sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut, syarikat boleh dikenakan hukuman penjara selama satu (1) bulan. Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Puan Nurul Hidayah binti Aman dan dibantu oleh Puan Revathy A/P Muruvin dari Pejabat MOTAC Negeri Pulau Pinang.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

17 November 2025

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

